

**NO. SOALAN : 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 19 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timur ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mempromosi dan memelihara Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Adakah pengambilan tanah dan pewartaan tapak warisan tersebut seluas 1,814 hektar telah dijalankan oleh Kerajaan.**

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selepas pengiktirafan UNESCO pada 30 Jun 2012, pihak Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara telah melaksanakan beberapa promosi bagi mengetengahkan Lembah Lenggong yang meliputi usaha berikut:

- i. Menyebarluaskan maklumat dalam bentuk buku, brosur, majalah dan lain-lain bagi menerangkan tentang kepentingan Tapak Warisan Dunia Lenggong;
- ii. Menerbitkan video dokumentari bertajuk "*Unburying the Past*" yang telah memperolehi pengiktirafan "*Top 3 Best Film; Best Narration; Best Public Education Value*" semasa *International Film and Video Festival* di Oregon, Amerika Syarikat pada tahun 2013 yang lalu;
- iii. Memasang 5 papan *billboard* di beberapa lokasi iaitu di sekitar Kuala Kangsar, Lenggong dan Gerik.
- iv. Membantu melaksanakan pengisian program sambutan ulang tahun pengiktirafan Lembah Lenggong pada setiap tahun bersama Kerajaan Negeri Perak;
- v. Melaksanakan program *Explorace*, Jejak Warisan, Tunas Arkeologi, Pertandingan Puisi dan lain-lain berkaitan Lembah Lenggong; dan

- vi. Mengadakan pameran di beberapa lokasi seperti Pameran Warisan Kita Warisan Dunia yang sedang berlangsung di Bangunan Sultan Abdul Samad bermula pada 18 Oktober 2014 hingga 31 Disember 2015 dan menyertai pameran Matta Fair.

Dari segi pemeliharaan, pihak Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara telah menyediakan *Conservation Management Plan* (CMP) bersekali dengan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dengan bantuan pelbagai agensi berkaitan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Majlis Daerah Lenggong dan Pejabat Tanah dan Daerah Lenggong. Jabatan Warisan Negara juga melaksanakan pemantauan dan rondaan setiap hari dengan dibantu oleh pengawal keselamatan bagi memastikan signifikan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong terpelihara.

Mengenai pengambilan tanah, Jabatan Warisan Negara telah menjalankan usaha-usaha seperti mengenalpasti kawasan untuk pengambilan, melaksanakan kerja-kerja pengukuran keseluruhan kawasan dan menyediakan pelan mengikut skala pengambilan. Selain itu juga, Jabatan Warisan Negara telah berbincang dengan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bagi tujuan pengambilan tanah ini. Sebagai makluman, pihak Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk membuat pengambilan ke atas keseluruhan tapak seluas 1,814 hektar. Pengambilan hanya memfokus kepada kawasan yang benar-benar sensitif sahaja iaitu lebih kurang 48.3 hektar daripada keseluruhan kawasan.

Mengenai pewartaan, sebahagian kawasan utama (*property*) telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 manakala

sebahagian lagi sedang diwartakan melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di bawah Rancangan Kawasan Khas (RKK).

Sekian, terima kasih.